

**PELAKSANAAN MAWQUF ALAIH DAN AGIHAN MANFAAT WAKAF DI MAJLIS
AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

**IMPLEMENTATION OF MAWQUF ALAIH AND DISTRIBUTIONS
OF WAQF BENEFITS AT THE TERENGGANU ISLAMIC
RELIGION AND COUNCIL MALAY CUSTOM**

MOHD RIDZUAN MOHAMAD¹

¹ Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Sultan Muhamad,
20519, Kuala Terengganu. Email: duan_shi@yahoo.com

*Corresponding Author: duan_shi@yahoo.com

Received Date: 15 November 2024 • Accepted Date: 15 December 2024 • Published Date: 14 January 2025

Abstrak

Keyakinan para masyarakat terhadap aspek tadbir urus wakaf amat penting dinilai oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kerana mereka berpeluang menjadi sebagai *waqif* atau pewakaf. Sebagai *waqif*, mereka mempunyai hak dalam menentukan bentuk *mawquf alaih* selari dengan kehendak perundangan iaitu Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa kefahaman masyarakat tentang kedudukan *mawquf alaih* masih tertumpu kepada skop yang lebih kecil iaitu berkisar kepada wakaf tradisional seperti tapak masjid, surau dan perkuburan Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan menerokai kedudukan *mawquf alaih* serta agihan manfaat wakaf di Terengganu di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menemubual salah seorang kakitangan wakaf di MAIDAM bagi memperoleh data-data yang tepat mengenai kajian tentang *mawquf alaih* dan agihan manfaat. Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah analisis kandungan ‘*content analysis*’. Kajian ini mendapati bahawa masih ramai masyarakat di Terengganu berwakaf khususnya tanah-tanah mereka diwakafkan bagi maksud *mawquf alaih* dalam bentuk keagamaan, manakala agihan manfaat pula banyak digunakan dalam sektor pendidikan. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar pihak yang mengurus wakaf iaitu MAIDAM perlu mempertingkatkan lagi kesedaran para masyarakat tentang kedudukan *mawquf alaih* dan juga memperluaskan agihan dana manfaat wakaf selari dengan keperluan semasa.

Kata Kunci: *Mawquf Alaih*, Agihan Manfaat Wakaf & Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Abstract

The community's confidence in waqf governance is critical to be assessed by the State Islamic Religious Council (MAIN) because they are waqfs or endowments. Waqfs have the right to determine the form of *mawquf alaih* in line with the requirements of the law, which is the Terengganu Waqf Enactment 2016. Several past studies prove that the public's understanding of the position of *mawquf alaih* is still focused on a smaller scope, which revolves around traditional waqfs such as mosque sites, surau's and Islamic cemeteries. Accordingly, this study will explore the position of *mawquf alaih* and the distribution of waqf benefits in Terengganu under the administration of the Terengganu Council of Islamic Religion and Malay Customs (MAIDAM). This qualitative study was conducted by interviewing one of the waqf staff at MAIDAM to obtain accurate data on the study of *mawquf alaih* and the distribution of benefits. The data obtained is analyzed through the method of content analysis. This study found that there are still many people in Terengganu who have waqf, especially their lands, which are used as *mawquf alaih* in religious form, while the benefits are widely used in the education sector. Accordingly, this study suggests that the party that manages waqf, namely MAIDAM, needs to increase awareness to ensure that about *mawquf alaih* and at the same time, MAIDAM also increases the distribution of waqf benefits in line with the same needs.

Keyword: *Mawquf Alaih*, Distributions of Waqf Benefits & Terengganu Islamic Religion and Council Malay Custom



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite as: Mohd Ridzuan Mohamad. 2025. Pelaksanaan *Mawquf Alaih* dan Agihan Manfaat Wakaf di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu [Implementation of *Mawquf Alaih* and Distributions of Waqf Benefits at The Terengganu Islamic Religion and Council Malay Custom]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 9(1): 1-9.

PENGENALAN

Di Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) merupakan badan tunggal yang menguruskan segala berkaitan wakaf seperti pendaftaran, pembangunan, sewaan, agihan manfaat dan sebagainya (Ridzuan, 2021). Dari sudut hukum syarak, pelaksanaan agihan manfaat wakaf merupakan suatu tuntutan yang diamanahkan kepada pihak nazir atau pengawal (Al-Zuhali, 2008). Justeru itu, pelaksanaan agihan manfaat wakaf merupakan salah satu tanggungjawab utama kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan secara tidak langsung telah diperuntukkan di bawah enakmen wakaf negeri berkait agihan manfaat seperti Enakmen Wakaf Pahang (2022) Seksyen 32 (1), Enakmen Wakaf Terengganu (2016) Seksyen 38 (1), Enakmen Wakaf Perak (2015) Seksyen 36 (1), Enakmen Wakaf Selangor (2015) Seksyen 37 (1) dan Enakmen Wakaf Melaka 2005 Seksyen 38. Berdasarkan peruntukan tersebut, agihan manfaat wakaf dinyatakan dalam dua bentuk iaitu manfaat wakaf am dan wakaf khas. Secara umumnya, Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) mempunyai pelaksanaan yang sama dan juga terdapat sedikit perbezaan. Sebagai contoh di Terengganu, pelaksanaan agihan wakaf am tertumpu kepada empat sektor iaitu keagamaan, pendidikan, sosial dan keusahawanan (MAIDAM 2015). Di Perak pula,

Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Kali Ke-193 bertarikh 18 Disember 2015 telah bersetuju menubuhkan dana wakaf Perak Ar-Ridzuan. Antara projek yang dilaksanakan adalah berdasarkan empat sektor iaitu keagamaan, kesihatan, ekonomi dan pendidikan (MAIPk, 2019). Di Negeri Sembilan, apabila tertubuhnya ‘Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan’ pada 10 Jun 2005, salah satu aktivitinya adalah untuk mengendalikan wakaf tunai. Wang yang terkumpul tersebut akan ditukar dalam bentuk pelbagai aset kekal seperti masjid, surau, sekolah, hospital, rumah kebajikan, kedai dan sebagainya (MAINS, 2019). Di Perlis, wakaf tunai dilaksanakan dalam sektor kesihatan dengan menubuhkan Perkhidmatan Hemodialisis di Hospital Tuanku Fauziah (HTF). Projek ini dilaksanakan secara kerjasama dengan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia AIBIM (MAIP, 2019). Di Kelantan pula, agihan manfaat wakaf juga diagihkan kepada tiga sektor, iaitu sektor keagamaan, pendidikan dan sosioekonomi (MAIK, 2019).

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelaksanaan manfaat wakaf (*mawquf alaih*) merupakan rukun perwakafan yang ditetapkan dalam hukum Syarak iaitu pewakaf (*waqif*), harta yang diwakafkan (*mawquf*), tujuan wakaf (*mawquf alaih*) dan ikrar wakaf (*sighah*) (Ridzuan, 2022). Terdapat beberapa permasalahan tentang kedudukan *mawquf alaih*, menurut kajian Nadiah et al (2015), kefahaman masyarakat tentang *mawquf alaih* masih berpandukan kepada kedudukan wakaf tradisional seperti tapak kubur, masjid dan surau. Kajian Azrin Hamiza (2015) menjelaskan pula, ramai di kalangan masyarakat masih tidak dapat membezakan antara sumbangan wakaf dengan sedekah, maka pihak berautoriti perlu memperkasakan dari sudut hebahan, ceramah, promosi dan sebagainya. Kajian Suziana & Romzie (2017) mendapati pelaksanaan manfaat wakaf terutamanya dalam bentuk agihan dana masih tidak mendapat keyakinan penuh dalam kalangan masyarakat. Sebenarnya, kefahaman masyarakat berkait pelaksanaan manfaat wakaf (*mawquf alaih*) adalah penting bagi memacu sosio-ekonomi Islam seperti mana pelaksanaan agihan zakat, hibah dan sebagainya, hal ini disokong kajian Baihaki (2019). Berdasarkan kajian permasalahan ini, objektif artikel ini akan menerokai pelaksanaan *mawquf alaih* dan agihan manfaat wakaf secara lebih khusus iaitu di Terengganu di mana pengurusannya di bawah Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian mengenai agihan manfaat wakaf di Malaysia. Menurut Afrah (2022), agihan manfaat wakaf perlu dilaksanakan oleh pihak yang berautoriti iaitu MAIN. Dalam konteks hukum syarak, MAIN bertindak sebagai ‘nazir’ dan segala bentuk agihan manfaat wakaf mestilah selari dengan prinsip syarak. Rahisam et al (2015) pula menjelaskan, pelaksanaan agihan wakaf perlu diutamakan dalam bentuk pendidikan iaitu khususnya pembiayaan biasiswa pelajar dan kos penyelidikan. Bagi pendapat Baihaki & Zakaria (2019), pelaksanaan agihan manfaat wakaf ianya meliputi sangat luas antaranya wakaf pendidikan, keagamaan, sosio masyarakat, pertanian, peladang, wakaf zuriat dan sebagainya. Walaubagaimanapun, pihak yang bertanggungjawab atau badan yang mengurus wakaf perlu memperkasakan pelaksanaan agihan manfaat wakaf sering dengan perkembangan

pembangunan pada masa kini. Di Terengganu, terdapat beberapa kajian tentang wakaf seperti pembangunan hartanah (Ridzuan & Ahmad Azrin 2024), pelaksanaan wakaf zuriat (Ridzuan et al, 2020), kedudukan pendaftaran wakaf (Ridzuan 2024) dan pelaksanaan *wakaf irsod* (Ridzuan et al, 2024). Kesemua kajian ini masih tidak menerokai secara mendalam tentang pelaksanaan agihan manfaat wakaf dan dalam masa yang sama perkara ini penting perlu diperkenalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat khususnya di peringkat industri iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Ringkasan sorotan kajian seperti mana ringkasan rajah 1 di bawah:

Jadual 1: Kajian Pelaksanaan Agihan Manfaat Wakaf dan Pelaksanaan Wakaf di Terengganu

Pengkaji	Tajuk Kajian	Tahun
Afrah Munirah Yusof	Agihan Manfaat Wakaf: Majlis Agama Islam Negeri Sebagai ‘Nazir’ Menurut Perspektif Syariah	2022
Baihaki Abdullah & Zakaria Bahari	<i>Mawquf Alaih</i> di Malaysia: Isu dan Cabaran	2019
Rahisam Ramli, Roslina Hashim, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Nur Yuhanis Ismon	Agihan dana wakaf pendidikan KUIM dalam meningkatkan kualiti sumber manusia dalam kalangan pensyarah	2015
Ridzuan Mohamad & Ahmad Azrin Adnan	Pelaksanaan Pembangunan Tanah Wakaf di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	2024
Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff & Nadhirah Nordin	Pelaksanaan Wakaf Zuriat di Terengganu	2020
Ridzuan Mohamad	Pendaftaran Tanah Wakaf dalam Konteks Kanun Tanah Negara (1965). Satu Kajian Pelaksanaan di Terengganu	2024
Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff & Nadhirah Nordin	Wakaf Irsod di Terengganu: Satu Kajian Perbandingan Hukum Syarak dengan Pelaksanaannya.	2024

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian perpustakaan (*library research*).

Data dalam bentuk dokumen seperti artikel dan jurnal berkait kajian tentang wakaf khususnya bagi tema kajian agihan manfaat wakaf dan kajian pelaksanaan wakaf di Terengganu merupakan data sekunder manakala data primer pula iaitu maklumat berkait agihan manfaat wakaf Terengganu yang diperoleh secara langsung di lapangan serta proses temubual dijalankan. Menurut Othman Lebar (2017), kaedah pensampelan dalam kajian kualitatif antaranya digunakan bentuk '*proposed sampling*' atau 'Pensampelan Bertujuan'. Selari dengan kaedah ini, temubual semi struktur yang dijalankan ini adalah melibatkan informan iaitu Abd Fatah Bin Mamat, beliau merupakan kakitangan MAIDAM yang bertugas di unit Wakaf dan berpengalaman mengurus agihan manfaat wakaf di Terengganu. Seterusnya data-data yang diperolehi tersebut dianalisis melalui kaedah analisis kandungan '*content analysis*'.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Para ulama telah membahaskan tentang kedudukan *mawquf alaih* secara terperinci dalam kitab-kitab muktabar, menurut Wahbah Al-Zuhali yang merupakan salah seorang ulama kontemporari pada kini, beliau menjelaskan bahawa syarat utama *mawquf alaih* mestilah berbentuk kebaikan atau kebajikan, dan perkara tersebut merupakan satu ibadah di mana para pewakaf boleh mendekatkan amalannya kepada Allah s.w.t. Pelbagai bentuk kebaikan atau kebajikan yang dapat dilaksanakan seperti binaan masjid, tempat pengajian agama, pusat kesihatan, kitab-kitab, manfaat kepada para ulama, fakir miskin, ahli zuriat. Para ulama telah bersepakat bahawa tidak sah *mawquf alaih* dalam bentuk maksiat seperti tempat perjudian, arak, hiburan dan sebagainya. Bagi pewakaf bukan Islam pula, terdapat beberapa perbezaan pendapat tentang kebolehan, secara umumnya ia dibenarkan jika *mawquf alaih* tersebut untuk kebaikan syariat Islam seperti pembinaan masjid dan sebagainya, selain daripada tujuan tersebut ianya tidak dibolehkan seperti untuk pembinaan gereja, maksiat, dan lain-lain (Wahbah Al-Zuhali, 2008). Dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016, terdapat beberapa perkara tentang pelaksanaan *mawquf alaih*, antaranya para pewakaf boleh menetapkan bentuk *mawquf alaih* dengan dipersetujui oleh pihak MAIDAM, hal ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 29. Seksyen 30 pula menjelaskan jika *mawquf alaih* mempunyai lebih daripada seorang maka pelaksanaannya sebagaimana berikut:

- (1) Jika ada lebih daripada seorang *mawquf alaih* dalam suatu wakaf khas dan *waqif* tidak menentukan bahagian masing-masing terhadap faedah atau kepentingan *mawquf* itu, Jawatankuasa hendaklah membahagikan faedah atau kepentingan itu sama rata di kalangan mereka.
- (2) Jika sesuatu wakaf diserahkan kepada asnaf zakat, manfaat, faedah atau kepentingan daripada *mawquf* itu hendaklah dibahagikan menurut bahagian asnaf zakat.
- (3) Peruntukkan di bawah seksyen ini hendaklah terpakai setelah mendapat perakuan dari Jawatankuasa Fatwa.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa keadaan ketiadaan *mawquf alaih* seperti meninggal dunia dan sebagainya, pihak MAIDAM perlu sekali lagi memohon kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa sebagaimana ditetapkan di bawah Seksyen 31 iaitu:

(1):-

- (a) *Mawquf alaih* tidak dinamakan oleh *waqif*
 - (b) Dalam hal orang perseorangan, *mawquf alaih* itu telah meninggal dunia.
 - (c) Dalam hal orang yang diperbadankan, persatuan atau industri, tidak lagi wujud.
- (2) *Mawquf alaih* itu tidak dapat dikesan selepas tempoh setahun dari wakaf itu mula berkuat kuasa setelah segala usaha yang munasabah untuk mengesannya telah dibuat oleh Majlis.
- (3) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah juga terpakai bagi apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan mana-mana *mawquf alaih* yang disebut dalam subseksyen (1)
- (4) *Mawquf alaih* tidak berhak ke atas apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan *mawquf* itu sebelum keputusan Jawatankuasa Fatwa di bawah subseksyen (2) diperoleh
- (5) Bagi maksud perenggan 1 (d) dan subseksyen (3), seseorang *Mawquf alaih* boleh memohon satu perintah Mahkamah bagi mendapat haknya ke atas *mawquf* tersebut.

Selari dengan dasar perundangan di atas, kedudukan *mawquf alaih* di peringkat pengurusan MAIDAM direkodkan beberapa jenis berdasarkan jumlah bilangan tanah yang telah diwakafkan sebagaimana jadual 1 di bawah:

Jadual 2: Jenis *mawquf alaih* di MAIDAM

Bil	<i>Mawquf alaih</i>	Bilangan Tanah (Lot)	Nisbah (%)
1	Wakaf Am	277 lot	23.10%
2	Tapak Masjid	132 lot	11.01%
3	Tapak Surau	193 lot	16.10%
4	Tapak Perkuburan Islam	209 lot	17.43%
5	Wakaf Zuriat	37 lot	3.09%
6	Wakaf Manfaat	351 lot	29.27%
Jumlah Keseluruhan		1199 lot	100%

Sumber: Data Tanah Wakaf MAIDAM 2024 (Temubual: Abd Fattah)

Berdasarkan jadual 2 di atas, kedudukan *mawquf alaih* yang paling banyak adalah wakaf manfaat sebanyak 29.27% diikuti wakaf am 23.10%, wakaf tapak surau 16.10%, wakaf tapak perkuburan Islam 17.43%, wakaf tapak masjid 11.01% dan wakaf zuriat 3.09%. Kegunaan wakaf am tidak terhad kepada mana-mana bentuk kebajikan seperti masjid, surau dan lain-lain, bahkan meliputi pelbagai jenis kebajikan mengikut kesesuaian semasa pada masa kini. Wakaf manfaat pula, di atas tanah tersebut mempunyai hasil pendapatan seperti sewaan untuk pertanian, perniagaan dan sebagainya. Hasil manfaat ini akan diagihkan kepada tujuan tertentu seperti manfaat kepada masjid, pendidikan, kebajikan anak yatim dan sebagainya (Abd Fattah, 2024). Senarai terperinci kedudukan *mawquf alaih* ‘wakaf manfaat’ mengikut kegunaan tanah wakaf sebagaimana jadual 3 di bawah

Jadual 3: Jenis ‘Wakaf Manfaat’ di MAIDAM

Bil	Jenis Wakaf Manfaat	Bil <i>Mawquf alaih</i>	Bil Tanah Wakaf
1	Wakaf Manfaat Masjid	55 buah masjid	188 lot tanah
2	Wakaf Manfaat Surau	2 buah surau	4 lot tanah
3	Wakaf Manfaat Anak Yatim	3 entiti	9 lot tanah
4	Wakaf Manfaat Pendidikan	5 entiti	33 lot tanah
5	Wakaf Manfaat Kebajikan / NGO	1 entiti	1 lot tanah

Sumber: Data Wakaf Manfaat di MAIDAM 2024 (Temubual: Abd Fattah)

Bagi Pelaksanaan agihan manfaat wakaf pula, ia dibahagikan kepada dua bentuk iaitu agihan manfaat wakaf khas dan agihan manfaat wakaf am. Hal ini selari sebagaimana ditetapkan dalam Enakmen Wakaf Terengganu (2016) Seksyen 38 iaitu:

- (1) Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.
- (2) Segala manfaat, faedah atau kepentingan daripada suatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut terma-terma yang ditentukan oleh *waqif* kecuali bagi terma-terma yang bercanggah dengan Hukum Syarak.

Pihak MAIDAM telah menetapkan tiga asas utama dalam pengagihan hasil atau manfaat wakaf am sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu Kali Ke-2 bertarikh 24 April 2018, pertama: Mestilah berasaskan kepada kepentingan awam, kedua: Mestilah mempunyai keperluan yang tidak dapat dielakkan dan ketiga: Tiada larangan dari sudut hukum Syarak (MAIDAM 2018). Berdasarkan tiga asas ini, terdapat beberapa bentuk agihan yang ditawarkan kepada pihak orang awam melalui skim bantuan yang diwujudkan antaranya ‘Bantuan Program Keagamaan Masjid/Surau, Bantuan Ihya’ Ramadhan di Masjid/Surau, Bantuan Penyelenggaraan Perkuburan Islam yang meliputi pemasangan pagar dan lampu serta tambun tanah), Bantuan Peralatan Sekolah Agama, Pembaikan Kecil Sekolah Agama, Bantuan Kebaikan Anak-Anak Yatim dan lain-lain bantuan yang dipertimbangkan oleh pihak MAIDAM. Kesemua jenis bantuan ini dikategorikan kepada tiga (3) sektor iaitu pendidikan, keagamaan dan sosial. Jumlah agihan manfaat wakaf am berdasarkan tiga (3) sektor ini sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 4: Agihan Manfaat Wakaf Am MAIDAM

Bil	Jenis Agihan Manfaat Wakaf Am	Jumlah	Nisbah
1	Sektor Pendidikan	RM 146,100.00	51%
2	Sektor Keagamaan	RM 50,950.00	18%
3	Sektor Sosial	RM 89,600.00	31%
Jumlah Keseluruhan		RM 286,650.00	100%

Sumber: Data Agihan Manfaat Wakaf Am 2024 (Temubual: Abd Fattah)

Jadual 4 di atas menunjukkan, sektor pendidikan berada tahap pertama iaitu sebanyak 51%, diikuti sektor sosial 31% dan keagamaan 18%. Data ini telah menyokong beberapa kajian lepas bahawa wakaf pendidikan kini giat berkembang sehingga kebanyakan pihak universiti awam dan swasta bertindak proaktif dengan bekerjasama pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Najibah Muftaffa & Mohd Zamro, 2014). Menurut Noor Hisham dan Marwan Ismail (2018) pula, hubungan wakaf dengan pendidikan merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana impaknya sangat penting terhadap falsafah ilmu dan ini dibuktikan kewujudan universiti terulung seperti Universiti Al-Azhar yang dibina berkonsepkan wakaf. Bagi sektor wakaf keagamaan pula, menurut Razali Othman (2013), Malaysia mempunyai sejarah wakaf yang panjang, ini dibuktikan dengan pembinaan masjid, madrasah, pondok, tapak perkuburan Islam yang berkonsepkan wakaf. Menurutnya, wakaf keagamaan di rantau ini perkara penting sehingga turut memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat pada hari ini. Manakala wakaf dalam sektor sosial pula, ianya merupakan faktor yang penting dalam konteks pada hari ini, menurut Bakri Ibrahim (2014) dan Ridzuan (2020), pihak kerajaan Persekutuan melalui peranan JAWHAR dengan kerjasama pihak MAIN telah membangun projek-projek wakaf yang berimpak kepada sosial seperti pembinaan Pusat Saudara Baru di Negeri Sembilan, Rumah Anak Yatim Darul Aitam di Alor Setar, Kedah dan Pusat Perlindungan Wanita di Johor Baharu.

KESIMPULAN

Secara umumnya, *mawquf alaih* berperanan penting dalam konteks kedudukan wakaf di negara ini. Di Terengganu, status *mawquf alaih* paling banyak adalah dalam bentuk keagamaan iaitu wakaf masjid berbanding bentuk wakaf yang lain seperti wakaf kebajikan anak yatim, wakaf zuriat dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat di sini masih ramai berwakaf bagi aset tidak alih terutamanya tanah adalah dalam bentuk *mawquf alaih* tersebut. Bagi mempertingkatkan sosio-ekonomi Islam, sewajarnya *mawquf alaih* perlu diperluaskan lagi dalam bentuk yang lain seiring dengan perkembangan semasa. Sementara agihan manfaat hasil wakaf pula, ianya banyak digunakan kepada sektor wakaf pendidikan berbanding sektor yang lain. Ini bermakna keperluan dana wakaf dalam sektor tersebut merupakan suatu keperluan pada masa kini selari dengan kehendak dasar MAIDAM yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

- Azrin Hamiza (2015). Kefahaman Aplikasi Istibdal Wakaf: Kajian Kes di Selangor dan Kedah. *Prosiding Bengkel RUT Pembangunan Berteraskan Islam*. Kumpulan Penyelidikan RUT, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia. 2 April 2015.
- Baihaki Abdullah & Zakaria Bahari. (2019). *Mawquf Alaih* di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Mauquf Alayh In Malaysia: Issues And Challenges. Journal Of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(26), 57-65.
- Bakri Ibrahim. (2014). 'Kursus Profesional Pengurusan Harta Wakaf'. Kertas Kerja: *Senario Harta Wakaf Di Malaysia*. UIM, 26 September 2014.
- Enakmen Wakaf (Terengganu)* 2016 [En.1/2016]
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. (2018). 'Skim Bantuan Wakaf dan Sumber Am'. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, ed 1.
- Md Nawī, N. H., & Ismail, M. (2018). Falsafah Wakaf Pendidikan Tinggi: Satu Semakan Semula. *Journal of Techno-Social*, 10(2), 42-49.
- Mohamad, M. R., & Adnan, A. A. (2024). Pelaksanaan Pembangunan Tanah-tanah Wakaf di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM): Implementation of Waqf Land Development in Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIDAM). *Abqari Journal*, 30(1), 96–115.
- Mohamad, M. R., Yusoff, Z. M., & Nordin, N. (2020). [The Implementation of Descendant Waqf in Terengganu] Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Terengganu. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 107-114.
- Mohamad, R. (2023). Pendaftaran Tanah Wakaf dalam Konteks Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56): Satu Kajian Pelaksanaan di Terengganu [Registration of Waqf Land in The Context of The National Land Act 1965 (Act 56): An Implementation Study in State Terengganu]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 1-9.
- Mustaffa, N., & Muda, M. Z. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Management Studies*, 21(2), 63–81.
- Othman Lebar. (2017). 'Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode'. Perak: Nur Niaga Sdn Bhd, ed 6.
- Rozali Othman. (2013). *Institusi Wakaf: Sejarah Dan Amalan Masa Kini*. Selangor: Bandar Baru Bangi, Utusan Printscop Sdn. Bhd, ed 1.
- Suziana Mohamed Nor & Romzie Rosman (2017). Cabaran dalam Melaksanakan Wakaf Pendidikan Bagi Institusi Tinggi di Malaysia. *E-Proceeding of The 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017)* 4 & 5 December 2017, Bangi, Selangor.
- Yusof, A. M. (2022). Agihan Manfaat Wakaf: Majlis Agama Islam Negeri Sebagai "Nazir" Wakaf Menurut Perspektif Syariah. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), 1-15.
- al-Zuhailī, Wahbah. (2008). *Fiqh al-Islam wa al-Adillah*. Jld. 8, Damsyik: Dār al-Fikr, ed. 6.